KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE,TECHNOLOGY AND INNOVATION

NUKLEAR MALAYSIA

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | ISNIN, 26 SEPTEMBER 2022 |
| **AKHBAR** | BERITA HARIAN |
| **TAJUK ARTIKEL** | TNB, SEDANIA JANA TENAGA AIR LEBIHAN EMPANGAN |
| **M/S** | 27 |
| **BIDANG** | ENERGY |
| **KATA KUNCI** | ENERGY |

# TNB, Sedania jana tenaga air lebihan empangan

**Tenaga Nasional Bhd** (TNB) menerusi anak syarikat milik penuhnya, TNB Research Sdn Bhd (TNBR) dan cabang 'Tenaga Lestari' Sedania Innovator Bhd (Sedania), Sedania Technologies Sdn Bhd menjalin kerjasama menilai potensi menjana tenaga daripada air lebihan empangan dan takungan air di seluruh Malaysia.

Melalui perjanjian kerjasama itu, Sedania menggunakan turbin mikro kuasa hidro TNBR yang cekap tenaga untuk menjana elektrik daripada air dilepaskan di empangan.

Dalam satu kenyataan bersama, syarikat berkata, setiap satu daripada 30 hingga 40 kilowatt turbin mikro kuasa hidro boleh menjana sehingga sekitar 305,000 kilowatt-jam tenaga hijau setahun.

"Dengan lebih 70 empangan dan takungan air di seluruh Malaysia, potensi daripada sumber tenaga mikro hidro itu dianggarkan melebihi 40 gigawatt-jam setahun, cukup membekalkan tenaga elektrik bebas karbon kepada kira-kira 10 ribu rumah.

"Projek sulung dua rakan kongsi ini dilaksanakan di Empangan Kota Tinggi, Johor.

"Sedania telah dianugerahkan oleh syarikat minyak dan gas multinasional untuk menilai dan mencadangkan kebolehlaksanaan menggunakan turbin mikro kuasa hidro cekap tenaga untuk menjana tenaga elektrik daripada air lebihan empangan berkenaan," katanya.

*Projek sulung antara TNB dengan Sedania dilaksanakan di Empangan Kota Tinggi, Johor.* (Foto hiasan)

Menurut kenyataan itu, tanggungjawab Sedania merangkumi aspek kewangan dan teknikal projek, manakala TNBR menyumbangkan kepakaran teknikal melalui reka bentuk dan pemasangan turbin mikro kuasa hidro.

Mengulas mengenai potensinya, Ketua Pegawai Eksekutif Sedania, Daniel Ruppert berkata: "Bersama-sama dengan TNBR, kami berhasrat untuk melengkapkan empangan di Malaysia dengan turbin mikro kuasa hidro yang cekap tenaga bagi membolehkan pelanggan menggunakan air lebihan empangan sebagai sumber tenaga.

## Medan teknologi hijau

"Malaysia harus menjadi medan teknologi hijau buatan Malaysia dengan rekod prestasi mencapai kelestarian tenaga.

"Sebagai organisasi yang komited kepada alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dengan visi untuk membantu syarikat mengurangkan jejak karbon mereka dengan terlebih dahulu membolehkan penggunaan tenaga yang cekap sebelum beralih ke fasa penting penjanaan tenaga bersih, Sedania berada pada kedudukan strategik untuk mempercepatkan agenda kelestarian dengan sokongan TNBR."

Sementara itu, Pengarah Urusan TNBR, Dr Mohd Hariffin Boosroh mengulas bahawa, TNB memperjuangkan peralihan tenaga yang bertanggungjawab dan inklusif dengan aspirasi untuk mencapai pelepasan sifar karbon menjelang 2050.

Dengan matlamat itu, TNB melabur dalam teknologi hijau baharu seperti turbin kuasa mikro hidro cekap tenaga ini yang menjadi hasil penyelidikan kami di TNBR.

"TNB tidak boleh melaksanakan inisiatif ini sendiri dan berharap untuk bekerjasama dengan rakan kongsi yang strategik.

"Usaha sama ini menggambarkan bagaimana kerjasama penyelidikan dan industri memainkan peranan yang berpengaruh dalam pembangunan penyelesaian inovatif dan lestari untuk Malaysia," katanya.

| | |
|---|---|
| **DISEDIAKAN OLEH** | **1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM**<br>**2-M.HAFIDZUDIN (S19), BPM**<br>UNIT PERPUSTAKAAN, BPM |